



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### **MEMPERKUKUH KERJASAMA STATISTIK ASEAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR OLEH BIRO PERANGKAAAN LAO KE JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**PUTRAJAYA, 20 JUN 2025** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar selama empat hari daripada Lao Statistics Bureau (LSB), Kementerian Perancangan dan Pelaburan, Republik Demokratik Rakyat Lao dari 16 hingga 19 Jun 2025. Lawatan ini berperanan sebagai platform strategik untuk kerjasama serantau dan perkongsian ilmu antara institusi '*peer-to-peer*' (rakan serantau) selaras dengan *ASEAN Help ASEAN Framework* (AHAF) serta peranan Malaysia selaku Pengerusi Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS) bagi tahun 2025.

Delegasi berprofil tinggi yang diketuai oleh Yang Berhormat Puan Phonesaly Souksavath, Timbalan Menteri dan Ketua LSB, terdiri daripada 14 pegawai kanan dan pakar teknikal dari kementerian utama termasuk Kementerian Perancangan dan Pelaburan, Kementerian Kewangan serta Kementerian Perindustrian dan Perdagangan. Lawatan ini dilaksanakan di bawah inisiatif AHAF, satu mekanisme serantau yang diselaraskan oleh ASEANstats bagi menggalakkan pembelajaran bersama dan pembangunan kapasiti dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

Penglibatan ini merupakan komponen strategik dalam Projek Kerjasama Statistik Lao PDR–Luxembourg (LLPS) Fasa 2 yang disokong oleh Bank Dunia. Projek ini bertujuan untuk memodenkan infrastruktur statistik Lao PDR melalui transformasi digital, pembangunan kapasiti dan kerjasama serantau. Lawatan sambil belajar ke Malaysia ini merupakan satu pencapaian penting yang memperlihatkan bagaimana AHAF dan kerjasama serantau dapat mempercepat pembangunan statistik negara.

*ASEAN Help ASEAN Framework* (AHAF) yang dilancarkan pada tahun 2021 merupakan satu inisiatif sokongan rakan setara di bawah ACSS yang memudah cara perkongsian pengetahuan, sistem dan amalan terbaik statistik dalam kalangan Negara Anggota ASEAN. Sejak diperkenalkan, sebanyak 68 sesi latihan telah dilaksanakan di bawah AHAF dan DOSM telah menyumbang kepakaran sebagai tenaga pengajar dalam 29 program tersebut.

Program teknikal empat hari tersebut merangkumi komponen penting sistem statistik moden, termasuk pembangunan *Statistical Business Register* (SBR), integrasi sumber data pentadbiran, pelaksanaan *National Enterprise-Wide Statistical Systems* (NEWSS) serta penggunaan *Statistical Data Warehouse* (StatsDW). Perbincangan turut menumpukan kepada aspek keselamatan siber, aplikasi *Geographic Information System* (GIS) serta penggunaan '*real time data*' (data masa nyata) bagi meningkatkan penghasilan dan kebolehcapaian statistik ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Delegasi LSB turut berkongsi kemajuan persediaan Lao PDR untuk Banci Penduduk dan Perumahan 2025, yang akan menjadi banci digital sepenuhnya yang pertama di negara tersebut. Banci ini akan menggunakan imejan satelit dan teknologi pengumpulan data mudah alih bagi meningkatkan kualiti data dan menyokong perancangan pembangunan negara serta pelaporan antarabangsa secara lebih tepat pada masanya.

Dalam ucapan utama beliau, Puan Phonesaly menyatakan penghargaan terhadap peranan cemerlang Malaysia dengan berkata, "Kami amat terinspirasi dengan budaya kecemerlangan, inovasi dan kerjasama yang diterapkan di DOSM. Integrasi teknologi digital dalam penghasilan statistik di Malaysia adalah contoh terbaik bukan sahaja untuk Laos tetapi juga untuk negara-negara lain di rantau ini."

Lawatan ini telah disambut secara rasmi oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin yang berkata, "Lawatan sambil belajar ini mencerminkan aspirasi bersama ASEAN untuk memperkasa keupayaan statistik dan pemodenan sistem. Malaysia berbesar hati untuk menyumbang khususnya dalam mempromosikan integrasi data, daftar perniagaan statistik dan kepercayaan terhadap statistik rasmi."

Dato' Sri Dr. Uzir turut menekankan bahawa kerjasama ini selaras dengan visi ACSS untuk meningkatkan keterlihatan dan kerelevanan statistik, terutamanya apabila ASEAN bergerak ke arah pelan strategik baharu yang akan memerlukan indikator yang lebih terperinci dan tepat pada masanya, khususnya dalam bidang baharu seperti daya tahan iklim, ekonomi digital dan pembangunan inklusif. AHAF memainkan peranan penting dalam menyokong Negara Anggota ASEAN membina kapasiti untuk memenuhi tuntutan ini di peringkat nasional dan serantau.

Sebagai sebahagian daripada Pengerusi ACSS 2025, DOSM telah menjemput LSB untuk menyertai Pasukan Petugas ACSS yang baharu ditubuhkan mengenai Kesedaran dan Libat Urus Statistik. Pasukan ini akan menyelaraskan aktiviti promosi bagi Sambutan Hari Statistik Sedunia 2025 dan menyokong inisiatif ke arah mewujudkan masyarakat yang lebih celik data di seluruh ASEAN.

Lawatan ini turut menegaskan peranan penting ASEANstats dalam menyelaraskan dan menyebarkan statistik berkualiti tinggi yang menyokong penggubalan dasar dan

integrasi serantau. Data terkini ASEANstats menunjukkan daya saing ekonomi ASEAN, dengan KDNK mencecah USD 3.9 trilion pada tahun 2024 dan perdagangan intra-ASEAN kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Pencapaian ini didorong oleh sistem statistik negara yang kukuh, yang membekalkan data yang tepat pada masanya, boleh dibandingkan dan boleh dipercayai kepada rangka kerja pemantauan serantau.

Selain taklimat dan demonstrasi sistem di Ibu Pejabat DOSM, delegasi LSB turut melawat Pejabat DOSM Negeri Melaka dan Pejabat DOSM Kajang, Selangor untuk meninjau operasi statistik peringkat sub-nasional. Lawatan ini memberikan pendedahan langsung kepada pengumpulan data di lapangan dan rangka tadbir urus seperti *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR).

Lawatan ini telah diakhiri dengan sesi kebudayaan dan jalinan rangkaian yang diadakan di mercu tanda utama sekitar Kuala Lumpur dan Melaka, sekali gus mengeratkan hubungan antara kedua-dua Pejabat Statistik Kebangsaan (NSOs). Sebagai penghargaan atas sumbangan semua pihak, Dato' Sri Dr. Uzir merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga DOSM yang telah menjayakan program ini, menzahirkan komitmen Malaysia di bawah AHAF untuk terus berkongsi kepakaran dan penyelesaian bersama negara-negara ASEAN.

Seperti yang dinyatakan oleh Dato' Sri Dr. Uzir dalam ucapan penutup beliau, "Bersama, kita mampu membina masa depan di mana statistik bukan sahaja dihasilkan dan digunakan, tetapi juga difahami, dipercayai dan dihargai oleh semua lapisan masyarakat."

Malaysia komited untuk meneruskan kerjasama dengan LSB dan Negara Anggota ASEAN lain di bawah AHAF dan ACSS, terutamanya dalam memperkukuh peranan statistik rasmi bagi memenuhi keutamaan serantau dan bersedia menghadapi pelaksanaan pelan strategik statistik ASEAN yang akan datang.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Dikeluarkan oleh:**

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**20 JUN 2025**



# MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **STRENGTHENING ASEAN STATISTICAL COOPERATION STUDY VISIT BY LAO STATISTICS BUREAU TO THE DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**PUTRAJAYA, 20 JUNE 2025** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) successfully hosted a four-day study visit by the Lao Statistics Bureau (LSB), Ministry of Planning and Investment, Lao People's Democratic Republic from 16 to 19 June 2025. The visit served as a strategic platform for regional collaboration and peer-to-peer knowledge exchange in line with the ASEAN Help ASEAN Framework (AHAF) and Malaysia's role as Chair of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) in 2025.

The high-level delegation was led by Her Excellency Ms. Phonesaly Souksavath, Vice Minister and Head of the LSB, comprised 14 senior officials and technical experts from key ministries including Ministry of Planning and Investment, Ministry of Finance and Ministry of Industry and Commerce. The study visit was conducted under the AHAF initiative, a regional mechanism coordinated by ASEANstats to promote mutual learning and shared capacity building among ASEAN Member States.

This engagement forms a strategic component of the Lao PDR–Luxembourg Cooperation Project in Statistics (LLPS) Phase 2, supported by the World Bank. The project aims to modernise Lao PDR's statistical infrastructure through digital transformation, capacity building and regional partnerships. The study visits to Malaysia marked a key milestone in this journey, highlighting how AHAF and regional collaboration can accelerate national statistical development.

The ASEAN Help ASEAN Framework (AHAF), launched in 2021, is a peer-support initiative under the ASEAN Community Statistical System (ACSS) that facilitates the sharing of knowledge, systems, and best practices in statistics among ASEAN Member States. Since its inception, a total of 68 training sessions have been conducted under AHAF, with the Department of Statistics Malaysia (DOSM) contributing as a trainer in 29 of these programmes.

The four-day visit included the technical programme covered essential components for modern statistical systems, including the development of a Statistical Business Register (SBR), integration of administrative data sources, implementation of the National Enterprise-Wide Statistical Systems (NEWSS) and deployment of the Statistical Data Warehouse (StatsDW). Discussions also focused on enhancing cybersecurity,

Geographic Information System (GIS) applications and real-time data tools to improve the production and accessibility of economic, social and environmental statistics.

In particular, the LSB delegates also shared updates on Lao PDR's preparations for the 2025 Population and Housing Census, which will be the country's first fully digital census. The census will utilise satellite imagery and mobile data collection technologies, contributing to enhanced data quality and timely support for national development planning and international reporting obligations.

In her keynote address, Ms. Phonesaly expressed appreciation for Malaysia's exemplary role, stating, "We have been inspired by the culture of excellence, innovation, and teamwork that permeates DOSM. Your integration of digital technologies into statistical production is a model not only for Laos but for many others in the region."

The visit was officially welcomed by Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, who remarked "This study visit reflects our shared ASEAN aspiration to advance statistical capabilities and modernisation. Malaysia is honoured to contribute to this effort, especially in promoting data integration, statistical business registers and trust in official statistics."

Dato' Sri Dr. Uzir further emphasised that this cooperation aligns with the broader ACSS vision to improve statistical visibility and relevance, especially as ASEAN moves towards a new strategic plan that will demand more granular and timely indicators, particularly for emerging domains such as climate resilience, digital economy and inclusive development. AHAF plays a vital role in this by supporting AMS in building the capacity required to meet these expanding demands, both nationally and regionally.

As part of Malaysia's ACSS Chairmanship, DOSM extended an invitation to LSB to join the newly established ACSS Task Force on Statistical Awareness and Engagement. The task force will coordinate outreach activities for World Statistics Day 2025 and support initiatives aimed at fostering a more data-literate society across ASEAN.

The visit also reinforced the importance of ASEANstats' role in harmonising and disseminating high-quality statistics that inform policymaking and regional integration. Recent figures from ASEANstats demonstrate ASEAN's economic dynamism, with GDP reaching USD 3.9 trillion in 2024 and intra-ASEAN trade remaining a key growth engine. These outcomes are enabled by strong national statistical systems that feed timely, comparable and trusted data into regional monitoring frameworks.

In addition to briefings and system demonstrations at DOSM headquarters, the LSB delegation visited the DOSM Melaka and DOSM Kajang, Selangor to observe subnational statistical operations. These site visits provided hands-on exposure to field-level data collection and governance frameworks such as the Malaysia Statistical Business Register (MSBR).

The visit concluded with cultural and networking sessions held across key landmarks in Kuala Lumpur and Melaka, fostering deeper ties between the two National Statistical Offices (NSOs). In recognition of the team's contribution, Dato' Sri Dr. Uzir extended appreciation to all DOSM personnel who supported the programme, underscoring Malaysia's commitment under AHAF to continue sharing expertise and solutions across ASEAN.

As Dato' Sri Dr. Uzir reiterated in closing, "Together, we can build a future where statistics are not only produced and used but also understood, trusted and valued across all levels of society."

Malaysia looks forward to continued collaboration with LSB and other AMS under AHAF and ACSS, particularly in strengthening the role of official statistics to address regional priorities and prepare for the implementation of the upcoming ASEAN statistical strategic plan.

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

*The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
20 JUNE 2025**